

Yusuf dan Isteri Potifar

Petikan dari Kitab Taurat: Kejadian 39:1-23.



¹Yusuf telah dibawa ke Mesir oleh orang Ismael, lalu dijual kepada Potifar, seorang pegawai raja yang menjadi ketua pengawal istana.

²TUHAN menolong Yusuf sehingga dia selalu berjaya dalam segala pekerjaannya. Dia tinggal di rumah tuannya, orang Mesir itu. ³Tuannya melihat bahawa TUHAN menolong Yusuf dan memberi dia kejayaan dalam segala yang dilakukannya.

⁴Potifar suka kepada Yusuf dan melantik dia sebagai pelayan peribadinya; lalu Potifar memberikan tugas kepada Yusuf untuk mengurus rumah tangganya dan segala kepunyaannya. ⁵Sejak itu, demi Yusuf, TUHAN memberkati rumah tangga orang Mesir itu dan segala sesuatu yang dimilikinya, baik yang di rumah mahupun yang di ladang. ⁶Segala sesuatu yang dimiliki Potifar dipercayakannya kepada Yusuf. Dengan demikian Potifar sama sekali tidak risau tentang urusan rumahnya, kecuali makanannya.

Yusuf berbadan segak dan kacak. ⁷Beberapa lama kemudian, isteri Potifar mula berahi terhadap Yusuf. Lalu dia mengajak pemuda itu tidur bersama dengan dia. ⁸Yusuf tidak mahu dan berkata kepadanya,

“Maaf, puan, Tuan Potifar sudah mempercayakan segala miliknya kepada saya. Dia tidak perlu memikirkan apa-apa lagi di rumah ini. ⁹Kuasa saya sama besar dengan kuasanya di dalam rumah ini. Tiada sesuatu pun yang tidak dipercayakannya kepada saya kecuali puan. Bagaimana mungkin saya melakukan perbuatan sejahat itu dan berdosa terhadap Allah?”

¹⁰Meskipun isteri Potifar membujuk Yusuf setiap hari, pemuda itu tetap tidak mahu tidur bersama dengan dia.

¹¹Pada suatu hari, ketika Yusuf masuk ke dalam rumah untuk melakukan pekerjaannya, tiada seorang pelayan pun berada di situ. ¹²Kemudian isteri Potifar menarik jubah Yusuf dan berkata,

“Marilah kita tidur bersama.”

Yusuf meronta hingga dapat lepas, lalu lari ke luar, tetapi jubahnya tertinggal di tangan perempuan itu. ¹³Apabila isteri Potifar sedar bahawa Yusuf sudah lari dan jubahnya tertinggal, ¹⁴dia memanggil pelayan-pelayannya dan berkata,

“Lihatlah! Orang Ibrani yang dibawa suamiku ke rumah ini menghina kita. Dia masuk ke dalam bilikku dan cuba merogol aku, tetapi aku menjerit. ¹⁵Apabila dia mendengar jeritanku, dia lari ke luar tetapi jubahnya tertinggal.”

¹⁶Isteri Potifar menyimpan jubah itu sehingga suaminya pulang. ¹⁷Apabila suaminya pulang, dia segera memberitahukan cerita yang sama kepadanya. Dia berkata,

“Hamba Ibrani itu yang kaubawa ke sini, masuk ke dalam bilik untuk menghina aku. ¹⁸Namun apabila aku menjerit, dia lari ke luar tetapi jubahnya tertinggal.”



¹⁹Potifar sangat marah. ²⁰Dia memerintahkan supaya Yusuf segera ditangkap dan dimasukkan ke dalam penjara, tempat orang tahanan raja dikurung, maka di situlah Yusuf tinggal. ²¹Tetapi TUHAN menolong Yusuf dan tetap mengasihinya, sehingga ketua penjara suka kepadanya. ²²Dia mempercayakan orang tahanan yang

lain kepada Yusuf. Dia juga memberikan tanggungjawab kepada Yusuf atas segala pekerjaan yang dilakukan di dalam penjara. ²³Ketua penjara itu tidak lagi mengawasi segala yang dipercayakannya kepada Yusuf, kerana TUHAN menyertai Yusuf sehingga dia berjaya dalam semua pekerjaannya.